

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM
(JULAU)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 10.06.2014

Y.B. DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM [JULAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah di salurkan kepada negeri Sarawak untuk menampung skim pinjaman rumah panjang dan rumah kampung di negeri tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 9 Februari 2002 Kerajaan Persekutuan telah bersetuju meluluskan pinjaman berjumlah RM58.4 juta

kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi membiayai projek Rumah Panjang Penempatan Semula Bakun.

Projek ini merupakan projek sosial iaitu pinjaman perumahan kos rendah (rumah panjang) kepada penduduk berpendapatan rendah yang terlibat dengan projek Bakun, Sarawak. Pinjaman ini digunakan untuk membeli bilik kediaman di 15 rumah panjang dengan kos sebanyak RM51,985.00 sebilik. Pada masa ini, Kerajaan Negeri Sarawak telah pun membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 10JUN 2014 (SELASA)

SOALAN : 96 97

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pengajaran yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan dalam tragedi kehilangan MH370 dan apakah tindakan yang dikenakan kepada mana-mana pihak atau pegawai yang lalai dalam tanggungjawab mereka dalam menangani krisis tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seremban, perkhidmatan trafik udara adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Penerbangan Awam (DCA) manakala keselamatan (*security*) ruang udara Negara adalah di bawah bidang tugas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Pihak DCA dan TUDM telah pun mengadakan mesyuarat bagi membincangkan dan mempertingkatkan *Standard Operating Procedures* (SOP) dalam mengkoordinasikan pengawasan keselamatan ruang udara Negara.

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan satu Pasukan Penyiasat Antarabangsa bagi menyiasat kemalangan udara pesawat Penerbangan Malaysia MH370 pada 25 April 2014. Pasukan Penyiasat ini telah turut dianggotai oleh *Accredited Representatives* daripada Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, China, Perancis dan 2 negara anggota ASEAN iaitu Singapura dan Indonesia. Kesemua anggota Pasukan Penyiasat yang terpilih adalah dilantik berdasarkan kepakaran mereka. Jawatankuasa ini akan mengeluarkan satu laporan penuh berhubung hasil siasatan ini termasuk syor penambahbaikan bagi keselamatan penerbangan awam di seluruh dunia.

Dapatan hasil daripada laporan tersebut akan digunakan oleh Kerajaan Malaysia di dalam membuat penambahbaikan secara holistik terhadap industri penerbangan awam negara. Kerajaan akan

mengambil tindakan menambahbaik berdasarkan syor-syor daripada jawatankuasa penyiasat antarabangsa ini.

Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang atau tatatertib sepertimana yang diperuntukan di bawah undang-undang sediaada kepada mana-mana pihak atau pegawai yang lalai dalam tanggungjawab mereka dalam menangani krisis tersebut.